

Dana RM1b pertanian kurang dimanfaatkan

BH 22/7/03

SAMBUTAN usahawan terhadap dana RM1 bilion yang diperuntukkan kepada sektor pertanian di bawah Pakej Strategi Baru masih belum memuaskan, kata Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Beliau berkata, sambutan terhadap dana itu kurang menggalakkan berbanding dana lain yang diperuntukkan kepada sektor pertanian sebelum ini.

"Kami (kementerian) belum nampak maklum balas yang betul-betul hebat daripada usahawan terhadap dana ini, dan kami tertanya-tanya kenapa.

"Permohonan bagi mendapatkan dana baru ini tidaklah hebat seperti dana sebelum ini. Jadi, saya sangat prihatin... apa masalah sebenarnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan sesi dialog dengan usahawan tani dari seluruh negara pada seminar Peluang Perniagaan dan Taklimat Pakej Rangsangan Ekonomi Dalam Sektor Pertanian di Seri Kembangan, semalam.

Seminar itu anjuran bersama Kementerian Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kelab Usahawan Tani Malaysia (Kuat) dan Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (Duid).

Ia bertujuan memaklumkan kepada usahawan tani mengenai peluang perniagaan dalam sektor pertanian dan mendedahkan mereka mengenai kemudahan serta maklumat mengenai pinjaman dan insentif yang disediakan untuk sektor pertanian.

Effendi berkata, bagi memastikan dana itu diagihkan dengan lebih berkesan, agensi di bawah kementeriannya akan mengadakan usaha untuk memberikan penerangan kepada usahawan dalam sektor pertanian mengenai dana yang disediakan supaya mereka memanfaatkan sepenuhnya peruntukan itu.

"Masih ada sesetengah usahawan, terutama di luar bandar tidak menyedari mengenai pelbagai insentif yang disediakan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, peruntukan dana untuk sektor pertanian di bawah Pakej Strategi Baru ialah bagi membolehkan usahawan tani membeli input pertanian

moden dan terkini untuk meningkatkan pengeluaran.

Katanya, ini kerana sebelum ini usahawan dalam sektor pertanian sering berdepan masalah kekurangan modal untuk membesarkan perniagaan dan masih ada yang meminjam daripada orang tengah.

Sementara itu, Effendi berkata, Pakej Strategi Baru dijangka mampu membantu sektor pertanian mencapai pertumbuhan 1.5 peratus yang diunjurkan sebelum ini.

"Malah, kadarnya mungkin lebih tinggi jika semua agensi di bawah kementerian melipatgandakan usaha masing-masing," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun kesan daripada Pakej Strategi Baru itu kepada sektor pertanian dijangka hanya dapat dilihat dalam tempoh tiga hingga enam akan datang.

Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mei lalu mengumumkan beberapa dana untuk menggerakkan sektor pertanian.

Antaranya dana tambahan RM1 bilion di bawah Tabung Untuk Makanan, Skim Kredit Mikro (RM500 juta), Amanah Ikhtiar Malaysia (RM300 juta), Dana Untuk Memperbaiki Infrastruktur (RM300 juta) dan Pembinaan/Pembaikan 1,000 Buah Bot Nelayan (RM750 juta).